

17 MAR 2003

Mahathir-Brazil/I

INTERAKSI M'SIA-BRAZIL HARUS LIBATKAN SAINTIS, AHLI SUKAN DAN REMAJA

Oleh: Mokhtar Hussain

BRASILIA, 17 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata hubungan dan interaksi antara Malaysia dan Brazil perlu ditingkatkan secara lebih intensif bukan sahaja antara ketua-ketua kerajaan dan perniagaan tetapi juga antara saintis, ahli sukan dan remaja kedua-dua negara.

Terdapat potensi yang banyak untuk menjalin kerjasama dengan mengambil peluang kekuatan dan pengalaman kedua-dua negara, katanya.

"Kedua-dua negara perlu mengekalkan lawatan peringkat tinggi dan mengalakkan lagi hubungan dan interaksi antara rakyat kedua-dua negara terutamanya antara kerajaan, ahli-ahli perniagaan, saintis, ahli sukan dan remaja," katanya ketika berucap pada majlis makan tengah hari yang diadakan oleh Presiden Brazil Luiz Inacio Lula da Silva di Istana Itamaraty di sini.

Dr Mahathir yang diiringi oleh isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, kini berada di negara Amerika Selatan itu untuk lawatan rasmi dua-hari atas jemputan presiden Brazil.

Menggariskan prospek hubungan Malaysia-Brazil, Dr Mahathir berkata kerjasama baru boleh dilaksanakan dalam bidang teknologi maklumat, bioteknologi, teknologi penerbangan, angkasalepas, penjanaan kuasa hidro dan kajiselidik pertanian.

Mengenai sukan dan remaja, beliau berkata rakyat Malaysia gembira apabila pasukan bola sepak Brazil pada Mei tahun lepas memilih Kuala Lumpur sebagai tapak untuk membiasakan diri dengan cuaca sebelum pertandingan Piala Dunia di Korea Selatan dan Jepun.

"Perlawanan persahabatan antara pasukan Malaysia dan Brazil di Kuala Lumpur telah menyumbang kepada peningkatan kesedaran antara remaja di kedua-dua negara," katanya.

Pasukan "samba" itu kemudian menjuarai Piala Dunia untuk kali kelima.

Menyentuh tentang perdagangan dua-hala, Dr Mahathir berharap lawatan beliau akan menjana lebih banyak peluang perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan Brazil.

Ahli-ahli perniagaan Malaysia dan Brazil perlu diberi galakan bagi mencari peluang di kedua-dua negara terbabit.

"Saya gembira bahawa Majlis Perdagangan Malaysia-Brazil yang ditubuhkan dua tahun lalu dan anggota-anggota majlis itu termasuk syarikat gergasi Brazil seperti Avibras dan Embraer," jelasnya.

Beliau juga melahirkan rasa puas hati terhadap pelaburan-pelaburan Malaysia di Brazil terutama di negeri-negeri seperti Amazonia, Para, Sao Paulo dan Parana. Syarikat-syarikat Malaysia antaranya melabur dalam pengeluaran produk seperti sarung tangan getah dan tera keselamatan.

Dr Mahathir berkata sebagai ekonomi membangun dengan tahap pembangunan ekonomi yang hampir sama, Malaysia dan Brazil boleh mendapat banyak manfaat daripada kerjasama erat dalam bidang ekonomi dan teknologi.

Brazil merupakan rakan perdagangan terbesar Malaysia di Amerika Selatan dengan perdagangan dua hala mencecah angka AS\$639 juta (RM2.42 bilion) tahun lepas berbanding AS\$514 juta (RM1.95 bilion) pada tahun 2001.

Mengenai isu-isu antarabangsa, Dr Mahathir berkata Malaysia percaya tidak harus ada pendekatan satu pihak sahaja kepada isu-isu antarabangsa yang menjejaskan keamanan dan keselamatan antarabangsa.

"Kami sangat percaya bahawa sebarang masalah boleh diatasi secara aman di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan negara-negara tidak harus berperang," katanya.

Perdana Menteri juga memuji Presiden Brazil mengenai dasar dan projek-projek kebajikan termasuk rancangan Sifar Kebuluran yang dilaksanakan sejak beliau mengambil tampuk pemerintahan pada 1 Jan lepas.

Sebelum itu, beliau bertemu dengan Presiden yang baru dilantik itu sebelum kedua-dua pemimpin itu masuk ke istana untuk mesyuarat delegasi.

Delegasi Malaysia antara lain terdiri daripada Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad dan timbalan ketua setiausaha Wisma Putra Datuk Abd. Aziz Mohammed.

Dr Mahathir kemudian bertukar cenderamata dengan Presiden Lula.

Esok, Dr Mahathir dan isterinya akan mengunjungi kilang membuat kapalterbang EMBRAER dan AVIBRAS Aerospacial di San Jose, dekat Sao Paolo.

Mereka akan bermalam di Rio de Janeiro sebelum berlepas pulang ke tanah air melalui Buenos Aires pada hari berikutnya.

-- BERNAMA

MOK AHH DC PR